



# **MAJLIS PERASMIAN BENGKEL 'REBRANDING' PENGEMBANGAN RISDA 2009**

**OLEH:  
YG. BHG. DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN  
KETUA PENGARAH RISDA**

TEMPAT: RISTEC, PORT DICKSON,  
NEGERI SEMBILAN

TARIKH: 23 FEBRUARI 2009  
8.30 MALAM

- Yang Berusaha Pengerusi Majlis
- Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik  
Pengerusi RISDA merangkap Pengerusi RISDA Plantation
- Yang Dihormati Ahli-Ahli Lembaga Pengarah RISDA  
Plantation
- En. Hairi bin Mat Lanan  
Pengurus Besar RISDA Plantation
- Tn.Hj. Abdul Wahid bin Ali,  
Pengerusi J/Kuasa Induk Anugerah Perkhidmatan  
Cemerlang RISDA Plantation,
- Pengarah-Pengarah Bahagian

- Ketua-Ketua Jabatan RISDA Plantation,
- Pengurus- Pengurus Ladang dan Pemasaran
- Serta semua warga RISDA Plantation

3

**Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,**

### **1. Penghargaan**

Syukur Alhamdulillah, saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan rahmatNya, dapat kita bersama-sama berkumpul di Awana Genting Resort yang serba dingin dan indah ini untuk Majlis Perasmian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang RISDA Plantation pada hari ini. Bagi pihak pengurusan RISDA, saya amat mengalu-alukan dan berterima kasih di atas kesudian Yang Berbahagia Tan Sri Rahim bin Tamby Chik, Pengerusi RISDA yang juga merupakan Pengerusi RISDA

4

Plantation melapangkan masa hadir untuk menyempurnakan Majlis kita pada hari ini. Juga jutaan terima kasih kepada semua Ahli Lembaga Pengarah RISDA Plantation yang begitu perihatin untuk hadir bersama-sama kita pada hari ini. Kehadiran tuan-tuan menjadi pendorong kepada RISDA dan RISDA Plantation khususnya untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pekebun kecil dan juga industri getah dan sawit keseluruhannya. Tidak lupa juga kepada semua warga RISDA Plantation yang menjadi nadi pembangunan RISDA Plantation.

5

**Dato-Dato, Tuan-Tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

## **2. Tumpuan RISDA 2009**

Amanat Pengurusan RISDA bagi tahun 2009 yang bertemakan 'Memantapkan 'Back to basic' telah disampaikan pada 15 Januari 2009 yang lalu, merupakan Garis Panduan kepada semua staf RISDA dan RISDA Plantation dalam melaksanakan gerak kerja pembangunan masyarakat pekebun kecil pada tahun ini. Keperihatinan RISDA pada tahun ini adalah Pemantapan Aktiviti Pengembangan, Kejatuhan harga getah dan sawit dan kesan kepada pendapatan pekebun kecil, Mempelbagaikan sumber

6

pendapatan, Produktiviti, Kenaikan harga input pertanian, Kekurangan benih dan biji benih sawit, pemasaran produk pekebun kecil(komoditi & bukan komoditi), menambahkan bilangan usahawan pekebun kecil, pembangunan modal insan, pembangunan di Sarawak, kadar dividen kepada pekebun kecil, sistem penyampaian dan pindaan akta RISDA.

Bagi Anak Syarikat, penekanan khusus adalah untuk melaksanakan konsolidasi anak syarikat di bawah satu pengurusan ke arah memaksimumkan nilai (*create value*) bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan kos dan keuntungan syarikat. Anak Syarikat juga di minta menggunakan keuntungan

7

syarikat setiap tahun bagi tujuan CSR ( *Corporate Social Responsibility* ) di mana dapat dimanfaatkan (mestilah *meaningful*) oleh masyarakat pekebun kecil. Semua staf RISDA Plantation seharusnya peka kepada keperluan dan hakikat terhadap tugas dan tanggungjawab tugas serta tanggungjawab sosial yang diamanahkan.

### **3. Prestasi RISDA Plantation 2008 dan usaha 2009**

Kejayaan RISDA Plantation dalam fungsi utamanya dalam pengurusan kebun pekebun kecil sangat diambil berat oleh RISDA kerana ia melibatkan ekonomi pekebun kecil secara langsung.

8

Bagi pekebun kecil yang menyertai projek-projek di bawah pengurusan RISDA Plantation, mereka sangat mengharapkan kebun mereka dapat diurus dengan baik dan memberikan hasil yang tinggi bagi membolehkan mereka menerima agihan keuntungan yang tinggi sehingga mampu menyara kehidupan mereka.

Seperti yang saya nyatakan dalam Amanat Pengurusan RISDA 2009 antara keperihatinan RISDA 2009 adalah dividen rendah dan produktiviti masih jauh dari potensi. Kedua-dua komponen ini adalah berkait rapat. Bagi meningkatkan dividen keparas yang

9

menasabah maka produktiviti hendaklah mencapai sasaran yang ditetapkan. RISDA Plantation adalah bertanggungjawab untuk mengatasi masalah ini. Saya difahamkan bagi tahun 2008 RISDA Plantation telah berjaya mencapai purata hasil sawit 15.71 tan sehektar atau 98% berbanding 16 tan yang disasarkan yang mampu membayar dividen sebanyak RM 370 shektar sebulan. Pencapaian ini adalah sangat baik dan diucapkan tahniah atas usaha Tuan-Tuan dan Puan-Puan. Bagaimana pun dalam tahun 2009 ini RISDA Plantation perlu meningkatkan lagi usaha tersebut kerana sasaran purata hasil yang baru adalah 18 tan sehektar.

Saya percaya RISDA Plantation mampu mencapai sasaran ini sekiranya berjaya mengatasi halangan-halangan yang boleh menyekat pengeluaran hasil. Daripada laporan Agen Pelawat yang di lantik oleh RISDA dan juga aduan-aduan yang diterima daripada pekebun kecil, Saya telah mendapat maklumat bahawa terdapat beberapa masalah utama yang dihadapi oleh RISDA Plantation dalam pengeluaran hasil iaitu kerosakan dan kekurangan jalan pertanian, kekurangan baja, tenaga kerja yang tidak mencukupi, dirian pokok yang kurang kerana tidak disulam dan keselamatan hasil. Saya juga menyarankan kepada RISDA Plantation supaya lebih memberi tumpuan kepada penyenggaraan kebun. Sekiranya

11

masalah-masalah ini dapat diatasi pasti sasaran akan tercapai malahan lebih dari itu.

Dalam tahun 2008 banyak tindakan yang berkesan telah diambil bagi mengatasi masalah-masalah tersebut. RISDA juga telah menjalankan peranannya membantu mana yang boleh. Sebanyak RM 3.7 juta bantuan subsidi prasarana telah diberikan untuk membina dan membaiki jalan-jalan pertanian di TSK yang diurus oleh RISDA Plantation. Sejak tahun 2007 RISDA juga telah meluluskan RM 28 juta bantuan Rancangan Khas Pemulihan Kebun (RKPK) kepada peserta TSK supaya kebun-kebun di

12

bawah pengurusan RISDA Plantation yang bermasalah dapat dipulihkan. Bagi memastikan pengurusan ladang berjalan mengikut GAP. RISDA juga telah melantik Agen Pelawat bagi melawat dan memberi nasihat teknikal ke projek-projek yang diuruskan oleh RISDA Plantation. RISDA akan terus memantau projek-projek yang diuruskan oleh RISDA Plantation bagi memastikan pekebun kecil berpuas hati dengan program yang dilaksanakan oleh RISDA.

#### **4. Tahniah kepada Penerima Anugerah**

Tahniah kepada RISDA Plantation kerana berjaya menganjurkan Majlis ini yang memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada penerima-penerima Khidmat Cemerlang. Tahniah diucapkan kepada semua penerima Anugerah dan adalah diharapkan Tahniah kepada penerima-penerima Anugerah pada hari ini. Anugerah ini diharapkan bukan sahaja dapat memberikan dorongan kepada penerima-penerimanya malah lebih lagi dorongan kepada semua staf RISDA Plantation semua peringkat untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang bagi memastikan kejayaan syarikat.

#### **4.0 Penutup**

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri di atas kesudian untuk menghadiri dan seterusnya merasmikan Majlis ini pada hari ini. Juga penghargaan kepada Ahli Lembaga Pengarah RISDA Plantation yang hadir pada hari ini. Tidak ketinggalan juga terima kasih kepada En Hairi serta Jawatankuasanya yang telah bekerja keras untuk menjayakan Majlis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha Tuan-tuan dan Puan-puan.

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah , Wassalammualaikum w.b.t**